



## PRESS INFO

### **MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) RHB ISLAMIC ENDOWED SCHOLAR IN FINANCE**

**TARIKH: 1 JULAI 2018**

**TEMPAT: DEWAN JAMUAN SENAT, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

- RHB pada surat bertarikh 16 November 2017 telah bersetuju untuk menaja *RHB Islamic Endowed Scholar in Finance* di UMT kepada ahli akademik bidang kewangan.
- Penajaan ini merupakan penajaan ahli akademik pertama oleh pihak industri di UMT. Ia adalah merupakan penajaan bertempoh berbentuk endowmen terhad (*restricted term endowment*). Tajaan bernilai RM150,000 untuk tempoh 3 tahun (RM50,000 setahun) bermula 1 Julai 2018 sehingga 30 Jun 2021.
- Kriteria lantikan dibangunkan berdasarkan input profesor bidang kewangan dalam dan luar negara serta badan-badan kewangan, merangkumi:
  - i) Kelayakan akademik dalam bidang kewangan
  - ii) Kelayakan profesional dalam bidang kewangan
  - iii) Pengalaman profesional industri kewangan dan pelaburan
  - iv) Rekod penerbitan artikel penyelidikan bidang kewangan dalam jurnal berkualiti atau berimpak-faktor tinggi.
- Penajaan endowmen merupakan salah satu langkah penting untuk merekrut dan menyokong bakat akademik terulung dalam sesuatu bidang di universiti. Penajaan *RHB Islamic Endowed Scholar in Finance* ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti penyelidikan dalam bidang kewangan di universiti, justeru menaikkan ranking MyRA dan SETARA Universiti Malaysia Terengganu.



- Program penajaan ini juga akan meningkatkan peluang kerjasama di antara universiti dan pihak industri iaitu RHB dalam menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial yang pada akhirnya akan memberi kesan positif dari sudut peningkatan citra dan juga promosi bagi pihak Universiti Malaysia Terengganu mahupun bagi pihak RHB.
- Tambahan lagi, program ini memberi peluang kepada calon yang layak menggunakan sebaik mungkin tajaan dalam bentuk geran penyelidikan bagi menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi dan secara tidak langsung akan mengharumkan nama universiti dan penaja iaitu RHB.
- 'Melalui kerjasama ini, RHB Islamic Bank akan menaja seorang ahli akademik UMT yang terpilih dalam jurusan Kewangan untuk tempoh tiga (3) tahun, bertujuan untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti dan berimpak kepada bidang ilmu kewangan dan komuniti.. Kami menyedari bahawa memupuk modal insan yang berbakat adalah pelaburan yang tidak ternilai kepada masa depan Negara. Malah, penajaan ini adalah selaras dengan janji jenama (*Brand Promise*) Kumpulan Perbankan RHB untuk 'Memupuk Generasi Masa Depan' – yang berfokuskan kepada pertumbuhan dan kejayaan yang berterusan untuk manfaat generasi sekarang dan akan datang. Oleh itu kami amat berbangga untuk bekerjasama dengan UMT untuk menubuhkan inisiatif *Scholar* ini, kata Dato' Adissadikin Ali, Pengarah Urusan, RHB Islamic Bank Berhad.



- Penerima *RHB Islamic Endowed Scholar in Finance* perlu menghasilkan output berikut:
  - i) Sekurang-kurangnya 3 hasil penyelidikan di dalam jurnal terindeks ISI atau Scopus, dengan minima 1 penerbitan di dalam jurnal berkualiti atau berimpak-faktor tinggi iaitu gred A\*/A dan Q1 di dalam bidang kewangan.
  - ii) Sekurang-kurangnya 3 pembentangan di konferensi antarabangsa di mana minima 1 dibentangkan di luar negara.
  - iii) Membentangkan 3 syarahan umum sebagai Tanggungjawab Sosial (CSR) atau program bersama komuniti.
- Tawaran permohonan *RHB Islamic Endowed Scholar in Finance* ini telah dibuka kepada semua ahli akademik bidang kewangan UMT, termasuk Profesor Madya daripada Universiti-Universiti Awam seluruh Malaysia. Berdasarkan kriteria dan skor penilaian setiap permohonan, Dr. Safwan bin Mohd Nor menerima skor tertinggi dan dianugerahkan sebagai penerima *RHB Islamic Endowed Scholar in Finance*.
- Dr. Safwan adalah seorang ahli akademik di UMT yang memiliki pengalaman industri dalam bidang kewangan. Beliau juga menintegrasikan pengalaman sebagai pengamal, pendidik dan penyelidik di dalam bidang kewangan dan pelaburan. Pengiktirafan ini sudah pasti sangat signifikan dengan peranan beliau dan pastinya dapat meningkatkan kualiti penyelidikan dan pengajaran-pembelajaran di UMT. Biodata lengkap penerima seperti lampiran.



## **LAMPIRAN:**

### **BIODATA PENERIMA RHB ISLAMIC ENDOWED SCHOLAR IN FINANCE**



**Dr. Safwan Mohd Nor, CFTP, RFP**

PhD (Victoria), MFA (La Trobe), BA (Hons) AFS (UCLan), DiA (UiTM)  
UMT Fund Manager  
Phone: +609 668 4213 / 3172  
Email: safwan@umt.edu.my

Dr. Safwan became the first UMT Fund Manager on 15 February 2016, and is responsible for making investment decisions, ensuring appropriate risk-return tradeoff through asset allocation policy, and reporting fund performance to stakeholders. Also holding the post of a Senior Lecturer at UMT, he teaches finance and investment courses at both undergraduate and postgraduate (MBA) levels, and supervises a number of PhD and MSc/MBA research students, both as principal and co-supervisor. Professionally, he is currently a Director (Non-Executive) and Financial Planner of a finance company licensed by Bank Negara Malaysia and Securities Commission Malaysia. Prior to joining the university, he was an Executive/Dealer with a universal broker, Kuala Lumpur City Securities (now Alliance Investment Bank), where he was involved with trading executions and investment analysis/advisory, among others. At international level, Dr. Safwan is a Research Associate at the Victoria Institute of Strategic Economic Studies (VISES)—one of the leading applied economic research groups in Australia. His expertise in finance is also recognized with his recent appointment as a speaker at the InvestSmart® and Shariah Financial Planning workshop. As well, he is presently a Certification and CPD Board Member of the Malaysian Financial Planning Council (MFPC).



Dr. Safwan brings together experiences as a practitioner, educator and researcher in the fields of finance and investment. He holds a PhD in Finance from Victoria University, Australia under the supervision of Professor Dr. Terrence Hallahan, Master of Financial Analysis (CFA Program Partner) from La Trobe University, Australia, BA (Honours) in Accounting and Financial Studies from the University of Central Lancashire, United Kingdom, and Diploma in Accountancy from UiTM, Malaysia. Professionally, he is a Registered Financial Planner with the MFPC and a Certified Finance and Treasury Professional with the Finance and Treasury Association (Australia). His research interests lie in the areas of investment analysis and trading strategies, market efficiency, portfolio management, financial modelling and optimization. In addition to having his research papers presented at international conferences and seminars in several countries such as Australia, China and Romania, he has authored/co-authored articles in reputable ISI Web of Science® and Scopus indexed journals including *Economic Modelling*, *Physica A*, *International Journal of Monetary Economics and Finance*, and *Investment Management and Financial Innovations*